

# Ganti mati mandatori dengan hukuman lebih bersifat anjal

- Hukuman mati mandatori tidak beri pilihan kepada hakim menjatuhkan hukuman lebih anjal
- Terdapat beberapa hukuman tidak lagi sesuai dikenakan hukuman mati
- Hukuman mati berperanan menghalang manusia membuat keputusan sendiri mengambil nyawa manusia lain

Oleh Prof Madya Dr Muhammad Fathi Yusof  
bhrencana@bh.com.my

**Kajian** terhadap hukuman mati, termasuk mati mandatori amat penting bagi memastikan hukuman dilaksanakan benar-benar berkesan dan menepati prinsip keadilan.

Pada 29 Ogos 2019, kerajaan menuhkan Jawatankuasa Khas Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori diketuai bekas Ketua Hakim Negara, Tun Richard Malanjum.

Susulan kajian berkenaan, kerajaan mengumumkan pemansuhan hukuman mati mandatori, bagaimanapun kerajaan akan mengadakan tinjauan awam bagi mendapat maklum balas terhadap cadangan berkenaan.

Hukuman mati adalah satu bentuk hukuman ter-laksana dalam tamadun manusia sejak zaman ber-

salah lain akibat ia terlalu ketat. Apabila berlangsungnya perbicaraan, terdapat fakta kes dikemukakan termasuk berkaitan tahap pembabitian terduduh, latar belakang dan unsur pembabitian dalam jenayah.

Fakta ini kadangkala melayakkan tertuduh mendapat hukuman lebih ringan jika didapati bersalah, namun akibat hukumannya berbentuk mandatori, hakim tidak mempunyai pilihan melainkan mengenakan hukuman mati ke atasnya.

Atas sebab itu, hukuman mati mandatori wajar digantikan dengan hukuman lebih anjal, iaitu memberikan pilihan kepada hakim memilih sama ada hukuman mati atau hukuman alternatif diperuntukkan undang-undang seperti denda, sebat dan penjara.

Selain itu, hukuman keras bukan jaminan kepada pengurangan atau pencegahan sesuatu jenayah. Jenayah pengedaran dadah misalnya tertakluk kepada hukuman sangat keras, namun sejak hukuman keras diperkenalkan tiada data kukuh menyimpulkan ia berjaya menurunkan kadar jenayah.

Mereka melakukan jenayah berat tertentu sehingga menjejaskan ketenteraman awam tetap wajar dijatuhkan hukuman mati. Hukuman mati juga berperanan menghalang berlaku 'kehilangan' nyawa manusia.

Hukuman ini berperanan sebagai hukuman pencegahan dengan menimbulkan kegerunan kepada mereka berniat melakukan jenayah membunuh daripada meneruskan niat itu.

Ada yang berhujah negara tidak mempunyai hak mengambil nyawa rakyat atas prinsip hak untuk hidup. Perlu diingat pemerintah atau kerajaan diberikan amanah memerintah bagi memastikan kesejahteraan rakyat secara keseluruhan.

Pemerintah bukan sahaja berhak, bahkan bertanggungjawab memastikan kehidupan dan keamanan rakyat secara keseluruhan terjamin.

Perlembagaan tidak memberikan hak untuk hidup secara mutlak, tetapi tertakluk kepada penguatkuasaan undang-undang. Perkara 5(1) memperuntukkan 'tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya ke-



Pakar Perlembagaan yang juga Felo Penyelidik (Undang-Undang dan Perlembagaan), Pusat Polisi Perdana Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

zaman. Dari sudut sejarah, hukuman ini diterima sebagai satu bentuk hukuman, sama ada dalam kalangan masyarakat tamadun Timur atau Barat.

Hukuman ini kebiasaannya dikenakan bagi kesalahan berat seperti membunuh, menderhaka kepada pemerintah, merompak atau seumpamanya.

Ita juga diterima sebagai satu bentuk hukuman dan dimasukkan dalam kanun jenayah serta dokumen perundangan lain dalam sistem perundangan moden seluruh dunia.

Namun, sekitar 20 tahun mutakhir ini ada usaha gigih aktivis gerakan hak asasi manusia sejagat untuk menghapuskan hukuman mati. Di Malaysia, pandangan itu disuarakan segelintir aktivis hak asasi berpaksikan aliran liberal Barat menerusi beberapa penulisan dan wacana. Mereka mengkritik dan mencadangkan pemansuhan hukuman mati, terutama mati mandatori.

Pemansuhan hukuman mati mandatori adalah satu langkah positif, tetapi memansuhkan hukuman mati secara keseluruhan bukan satu langkah wajar. Elemen 'mandatori' dalam sesuatu hukuman bermaksud hakim tidak mempunyai pilihan lain kecuali menjatuhkan hukuman diperuntukkan itu.

Dalam undang-undang jenayah di Malaysia ada 11 kesalahan membawa hukuman mati mandatori, selain 22 kesalahan membawa hukuman mati, tetapi bergantung budi bicara mahkamah.

Idea mewujudkan hukuman mati berbentuk 'mandatori' ini mungkin tercetus atas hasrat mewujudkan hukuman sangat keras ke atas kesalahan amat besar. Selain itu, ia juga diperkenalkan bagi mewujudkan rasa gerun terhadap kesalahan jenayah tertentu.

Bagaimanapun, apabila undang-undang ini dilaksanakan, ternyata ia menimbulkan beberapa ma-

“Hukuman mati pada dasarnya tidak bercanggah Perlembagaan dan hak asasi manusia. Hak asasi tidak boleh dilihat semata-mata dari perspektif kepentingan individu, tetapi wajar dilihat dari sudut kepentingan awam”

Faktor seperti kecekapan penguat kuasa undang-undang, program pendidikan kesedaran awam, ketelusan dan integriti sebenarnya memainkan peranan lebih besar bagi mencegah atau mengurangkan jenayah.

Selain itu, kajian terhadap undang-undang memperuntukkan hukuman mati secara keseluruhan juga wajar dilaksanakan. Mungkin terdapat beberapa hukuman tidak lagi sesuai dikenakan hukuman mati. Bagaimanapun, kerajaan tidak sewajarnya memansuhkan sepenuhnya hukuman mati.

Hukuman mati pada dasarnya tidak bercanggah Perlembagaan dan hak asasi manusia. Hak asasi tidak boleh dilihat semata-mata dari perspektif kepentingan individu, tetapi wajar dilihat dari sudut kepentingan awam.

nyawanya atau dituntutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.’

Hukuman mati juga wajar dikekalkan sesuai dengan asas negara kita berteraskan prinsip Rukun Negara khususnya 'Kepercayaan kepada Tuhan' dan Perkara 3 Perlembagaan menetapkan Islam sebagai agama Persekutuan.

Dalam konteks agama Islam misalnya, hukuman mati terdapat di dalam al-Quran dan sunah Rasulullah SAW. Mereka melakukan kesalahan membunuh misalnya tertakluk kepada hukuman mati.

Bagaimanapun, memandangkan kes pembunuhan membabitkan hak ahli keluarga mangsa, maka Islam memberikan hak kepada keluarga menggantikan hukuman mati itu dengan pampasan atau memaafkan pesalah itu sepenuhnya.

Allah SWT menyebut secara jelas di dalam al-Quran hukuman mati dalam kes pembunuhan, disebut sebagai 'qisas' berperanan menjamin kehidupan manusia kerana apabila hukuman berkenaan ditegakkan, jenayah bunuh lebih terkawal.

Tegasnya, hukuman mati tetap penting dikekalkan. Namun, kajian ketetapan hukuman mati dalam kesalahan jenayah sedia ada wajar dilakukan bagi memastikan hukuman berat itu berkesan dan adil.

Kajian dilaksanakan perlu membabitkan semua kelompok meliputi penguat kuasa undang-undang, agamawan, pakar jenayah dan undang-undang serta pemegang taruh. Pembabitkan awam perlu dilaksanakan sepanjang proses penilaian supaya masyarakat dapat memahami dengan jelas keperluan dan kesan perubahan dicadangkan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH